

prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu

JILID 1
11
JAN - APR



14

PUSAT SERVIS
BANGI BARU BAKAL
DIBUKA 2012



19

PEMERIKSAAN TAYAR
BOLEH JIMATKAN
MINYAK



20

BANJIR BERI KESAN BURUK
KEPADA KENDERAAN
SPANCO

**Fleet Sasar 98%
Keupayaan Boleh Gerak
Dalam Satu Masa**

Anugerah Berprestij The BrandLaureate – SMEs Chapter Awards 2010

Rakan niaga sekalian,

Buat pengetahuan anda, Pengurusan Fleet Profesional, SPANCO Sdn Bhd telah dipilih sebagai pemenang The BrandLaureate – SMEs Chapter Awards 2010 for Corporate Branding – Best Brand in Logistic–Fleet Management Solutions pada 11 Januari 2011.

(Anugerah 'BrandLaureate – SMEs Chapter Awards 2010' bagi Penjenamaan Korporat – Jenama Terbaik dalam kategori Logistik – Penyelesaian Pengurusan Fleet).

Anugerah BrandLaureate dikurniakan oleh Yayasan Jenama Asia Pasifik (APBF) kepada syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia dan rantau Asia Pasifik yang telah berjaya membangunkan jenama masing-masing sehingga menjadi kukuh lagi terkemuka.

Sesungguhnya kita amat berbesar hati dengan pencapaian terbaru ini. Kejayaan meraih anugerah berprestij itu merupakan satu pengiktirafan buat SPANCO sebagai peneraju di dalam industri Pengurusan Fleet di Malaysia dan di rantau ini.

Anugerah BrandLaureate adalah kejayaan yang mesti dikongsi bersama oleh setiap rakan niaga SPANCO. Susulan itu Pihak Pengurusan Kanan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat anda semua di atas segala usaha dan komitmen anda sehingga menjadikan kemenangan ini satu kenyataan.

Diharapkan penganugerahan ini sebagai dorongan untuk melakarkan pencapaian-pencapaian yang lebih besar lagi bermakna, tidak kira sama ada di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa pada masa-masa hadapan.

Syabas dan tahniah diucapkan.

'Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

SPANCO SDN BHD (172957-U)
Pengurusan Fleet Profesional

2, Jalan Perusahaan 2,
Kawasan Perusahaan Batu Caves,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-6192 8888 Fax: 603-6192 8889 / 8890
Email: fleet@spanco.com.my Website: www.spanco.com.my
Cawangan: Bangi • Kuching • Kota Kinabalu



Anugerah BrandLaureate Tingkatkan Komitmen Fleet, Servis SPANCO

SESUNGGUHNYA SPANCO amat berbangga dikurniakan Anugerah BrandLaureate untuk Jenama Terbaik Dalam Kategori Logistik - Penyelesaian Pengurusan Fleet, pada Januari 2011. Penganugerahan itu membuktikan tanda aras yang tinggi ditetapkan oleh Syarikat seperti digariskan dalam piawaian perkhidmatan SPANCO.

Bagi 2011, Pengurusan Fleet Profesional memfokuskan untuk menurunkan lagi kadar 'vehicle off road' (kenderaan yang sedang dalam penyenggaraan atau pembaikan) iaitu daripada purata 3 peratus dari saiz fleet sekarang kepada hanya 200 unit sehari.

Komitmen dan sasaran ini pastinya cabaran buat seluruh warga kerja SPANCO memandangkan saiz fleet terus mengalami peningkatan ketara dan dijangka mencecah 10,000 unit tahun ini.

Namun kemalangan di kalangan kereta Kerajaan adalah paling tinggi

jika dibandingkan dengan kadar purata kebangsaan. Statistik menunjukkan bahawa, 1 daripada setiap 3 kereta fleet SPANCO mengalami kemalangan saban tahun berbanding purata 2 daripada 100 di seluruh negara (397,330 kes kemalangan jalan raya dicatatkan sepanjang 2009 dengan jumlah kenderaan berdaftar sebanyak 18,446,274 unit - Bernama).

Justeru, sikap bertanggungjawab dan berhati-hati selain kecekapan amat perlu dipupuk dan disebatkan di kalangan pemandu kenderaan Kerajaan kerana ia berkait rapat soal keselamatan mereka serta penumpang selain kesan kepada kadar insurans kenderaan SPANCO.

Kesan lain kemalangan secara langsung meningkatkan masa rosak (downtime) dan jumlah kenderaan yang tidak dapat digunakan oleh Kerajaan.

Tahun ini juga menyaksikan kereta model Perdana Standard diganti dengan Inspira berikutan peraturan baru digariskan Kerajaan Pusat. Ini dinyatakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah. Berikutan keputusan Proton memutuskan untuk memberhentikan pengeluaran model Perdana maka pegawai tinggi Perkhidmatan Awam ditawarkan Inspira 2.0 versi premium sebagai kereta rasmi.

Mengenai aspek modal insan, SPANCO akan terus melabur untuk melatih kakitangannya bagi mempertingkatkan lagi tahap kecekapan dalam usaha memberikan tahap perkhidmatan yang terbaik.

SPANCO juga sudah memulakan pembinaan sebuah pusat servis Bangi yang baru dan

dijangka siap 2012. Premis itu mampu menampung tugas servis lebih banyak berbanding sekarang. Langkah ini juga berkait rapat dengan komitmen untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan serta keselesaan pelanggan.

Akhirnya, kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh rakan niaga SPANCO terutama pelanggan dan pusat servis diiktiraf, seterusnya mengharap sokongan berterusan daripada Kementerian dan jabatan mahupun individu pengguna kereta rasmi kami sehingga usaha membangun, memperkukuh serta mempopularkan jenama SPANCO mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif



Pengurusan Fleet
Profesional memfokuskan untuk menurunkan lagi kadar 'vehicle off road' (kenderaan yang sedang dalam penyenggaraan atau pembaikan) iaitu daripada purata 3 peratus dari saiz fleet sekarang kepada hanya 200 unit sehari.





PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Mubarak Ali Gulam Rasul
Peter Lim
Zulkifli Abd. Aziz
Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
Tel : 03-6192 8888 Faks : 03-6192 8999
emel : prihatin@spanco.com.my
web : www.spanco.com.my
Talian bebas tol : 1-800-88-6999

PENCETAK


Percetakan Lai Sdn Bhd
No. 1, Persiaran 2/118C
Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak
Cheras, 56000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-9173 1111 Faks : 03-9173 1969

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan atau sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Menarik keluaran ini



PERUTUSAN

- 03** Anugerah BrandLaureate Tingkatkan Komitmen Fleet, Servis SPANCO

KORPORAT

- 05** Anugerah BrandLaureate: Pengiktirafan Buat SPANCO Terajui Fleet Profesional

SERVIS

- 06** Fleet Sasar 98% Keupayaan Boleh Gerak Dalam Satu Masa
09 Skop Perkhidmatan: SPANCO Lakukan Servis Berjadual, Baiki Kerosakan Dan Kemalangan
11 SPANCO Penyedia Pengurusan Fleet Kendali Pusat Servis Sendiri

PENGURUSAN FLEET

- 15** Tahap Keupayaan Tinggi, Kos Tetap Antara Manfaat 'Outsourcing' Dalam Pengurusan Fleet
16 Kos Pajakan Dan Senggaraan Tetap

KHABAR PRIHATIN

- 18** Proton Inspira Sertai Fleet SPANCO

PENJAGAAN KERETA

- 19** Pemeriksaan Tayar Boleh Jimatkan Minyak

KESELAMATAN

- 20** Banjir Beri Kesan Buruk Kepada Kenderaan SPANCO
21 Dua Per Tiga Pemandu Mudah Teralih Tumpuan

KESIHATAN

- 22** Berita Baik Tentang Kopi!

Anugerah BrandLaureate: Pengiktirafan Buat SPANCO Terajui Fleet Profesional

Pengerusi SPANCO, Mej. Jen. (B) Dato' Osman Mohd Zain (tengah) menerima penganugerahan BrandLaureate yang disampaikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad di satu majlis pada 11 Januari 2011. Di sebelah kanan ialah Presiden BrandLaureate, Dr. K. K. Johan.

ANUGERAH BrandLaureate yang dikurniakan kepada SPANCO Sdn Bhd, ternyata melakar satu kejayaan yang cukup besar serta bermakna selaku peneraju pengurusan fleet profesional di negara ini.

Penganugerahan dalam kategori SMEs Chapter Awards 2010 for Corporate Branding – Best Brand in Logistic – Fleet Management Solutions, itu diumumkan pada 11 Januari 2011.

Anugerah BrandLaureate oleh Yayasan Jenama Asia Pasifik (APBF) itu boleh diumpamakan seperti 'Grammy Awards' bagi penjenamaan korporat dan produk yang mana pelbagai kategori diwujudkan untuk pelbagai bidang.

Anugerah diberikan kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia serta rantau Asia Pasifik yang berjaya membangunkan jenama masing-masing sehingga kukuh dan terkemuka.

Syarikat ternama lain yang pernah menerima anugerah BrandLaureate dalam bidang masing-masing ialah KLIA, Maxis, Maybank, Public Mutual, AAM, Perodua dan Proton.

Pastinya kejayaan meraih anugerah berprestij itu satu pengiktirafan buat SPANCO sebagai peneraju dalam industri pengurusan fleet di Malaysia serta rantau ini.

Justeru, pihak pengurusan kanan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh rakan niaga terutama pelanggan, pusat servis diiktiraf (PSD), pembekal serta warga kerja SPANCO atas usaha serta komitmen mereka sehingga menjadikan penganugerahan ini satu kenyataan.

Selain Anugerah BrandLaureate, SPANCO adalah ahli Persatuan Pengurus Fleet Australasia (AfMA) sejak 2005.

Pusat Servis SPANCO pula mendapat pengiktirafan ISO9002:1994 dalam bidang 'Penyenggaraan dan Servis Fleet Kenderaan' pada 1999. Tahap pensijilan itu dipertingkatkan kepada ISO9001:2000 pada 2002 dan ISO9001:2008 pada 2008.



Pastinya kejayaan meraih anugerah berprestij itu satu pengiktirafan buat SPANCO sebagai peneraju dalam industri pengurusan fleet di Malaysia serta rantau ini.



Dato' Osman dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh bergambar bersama-sama sijil dan trofi yang baru diterima.





Fleet Sasar 98% Keupayaan Boleh Gerak Dalam Satu Masa

SEMENJAK memulakan operasi pada 1994, SPANCO telah berjaya membekalkan fleet yang sentiasa bersiap sedia dengan mengekalkan tahap keupayaan pada 97 peratus sepanjang masa.

Ini bermakna, daripada jumlah keseluruhan fleet yang kini mencecah 10,000 unit, cuma 3 peratus atau 300 unit sahaja yang sepatutnya tidak dapat digunakan oleh pelanggan pada satu-satu masa (sedang dalam penyenggaraan atau pembaikan).

Bagaimanapun pasukan SPANCO mempunyai matlamat untuk memperbaiki tahap keupayaan itu dengan mensasarkan jumlah 'vehicle off road' yang lebih rendah iaitu pada jumlah tetap 200 unit.

Ini mampu dicapai melalui pelaksanaan servis audit yang dilakukan di seluruh negara sepanjang tahun. Melalui pemeriksaan teliti ini, SPANCO akan memastikan:

- Setiap kereta fleet diservis mengikut jadual.
- Kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan yang dilakukan oleh pusat-pusat servis diiktiraf (PSD) adalah seperti yang diluluskan oleh SPANCO.
- Kereta sentiasa dalam keadaan baik supaya kerosakan yang tidak dijangka dapat dielakkan.
- Penggunaan alat ganti tulen.

Sasaran keupayaan kenderaan boleh gerak yang lebih tinggi itu membuktikan kesungguhan dan komitmen SPANCO untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan fleet yang terbaik kepada Kerajaan Malaysia.

'Vehicle off road' bagi suku pertama 2011

Bagi suku pertama 2011, sejumlah 2.60 peratus atau 244 unit dikategorikan sebagai 'vehicle off road' pada Januari, 2.05 peratus atau 192 unit pada Februari dan 2.43 peratus (229 unit) pada Mac.

Ini menjadikan purata keseluruhan 2.36 peratus (222 unit) kenderaan fleet yang tidak dapat bergerak pada satu-satu masa bagi keseluruhan suku pertama 2011.

Jadual 1

Suku Pertama 2011	Purata Bilangan Kereta Tidak Boleh Gerak Dalam Sehari	Peratus
Januari	244	2.60%
Februari	192	2.05%
Mac	229	2.43%
Purata Keseluruhan	222	2.36%

* Pelanggan boleh memantau maklumat dan bilangan 'vehicle off road' dalam masa sebenar melalui sistem teknologi maklumat pengurusan fleet yang disediakan secara dalam talian (online). Sila layari www.spanco.com.my

Penjelasan istilah

'Vehicle off road' = kenderaan yang sedang menjalani servis sama ada berjadual ataupun baik pulih, justeru tidak dapat digunakan.

'Turnaround time' = tempoh senggaraan iaitu masa yang diambil untuk menyiapkan sesuatu tugas servis.

'Throughput' = kadar atau jumlah tugas servis yang berjaya disiapkan.


Tempoh senggaraan

Bagi suku pertama 2011, sejumlah 44 peratus dari kesemua tugas servis, sama ada berjadual mahupun baik pulih, yang dilakukan di Pusat Servis Wilayah Batu Caves (PSW Batu Caves) berjaya disiapkan pada hari yang sama, 20 peratus dalam masa 1 hari, 9 peratus (dua hari) dan 14 peratus (tiga hingga lima hari).

Di Pusat Servis Wilayah Bangi (PSW Bangi), 71 peratus (hari yang sama), 13 peratus (1 hari), 4 peratus (dua hari) dan 7 peratus (tiga hingga lima hari).


Di rangkaian Pusat Servis Diiktiraf (PSD) pula, 81 peratus (hari yang sama), 11 peratus (1 hari), 3 peratus (dua hari) dan 3 peratus (tiga hingga lima hari).

Carta 1



Carta 2

Keseluruhan Servis SPANCO Mengikut Tempoh Senggaraan



Secara purata, tempoh senggaraan bagi keseluruhan servis fleet Kerajaan Malaysia yang diselias oleh SPANCO ialah 69 peratus untuk hari yang sama, 14 peratus (1 hari), 5 peratus (dua hari), 7 peratus (tiga hingga lima hari) dan 5 peratus (6 hari atau lebih).

Servis yang mengambil masa yang lama untuk disiapkan lazimnya membabitkan baik pulih dan rombak rawat kenderaan yang rosak akibat banjir yang melanda akhir tahun lalu dan awal tahun ini.

Sementara itu, bagi servis berjadual, tahap piawaian perkhidmatan SPANCO adalah servis mesti disiapkan dalam tempoh dua hari selepas kereta dibawa masuk ke pusat servis seperti yang dipersetujui dalam terma perjanjian.

'Throughput'

Bagi suku pertama 2011, sejumlah 17,955 servis atau purata 5,985 servis sebulan dilakukan terhadap kenderaan fleet Kerajaan Persekutuan yang diselias oleh SPANCO.

Dari jumlah itu, 7,813 servis (44 peratus) dilaksanakan di PSW dan selebihnya iaitu 10,142 servis (56 peratus) di PSD seluruh negara.



Servis yang mengambil masa yang lama untuk disiapkan lazimnya membabitkan baik pulih dan rombak rawat kenderaan yang rosak akibat banjir yang melanda akhir tahun lalu dan awal tahun ini.




Antara keadaan kereta yang rosak akibat banjir.



Carta 3

Analisis 'Throughput' SPANCO Bagi Suku Pertama 2011



Secara purata, PSW Batu Caves dan PSW Bangi menampung 40 hingga 50 peratus dari jumlah keseluruhan servis fleet yang dilakukan setiap bulan manakala rangkaian PSD pula sebanyak 50 hingga 60 peratus.



PSW Batu Caves dan PSW Bangi menampung 40 hingga 50 peratus dari jumlah keseluruhan servis fleet yang dilakukan setiap bulan.

Berapa kerap kereta dihantar ke pusat servis?

Secara purata, kereta-kereta Kerajaan Persekutuan yang diselaja SPANCO mencatatkan 40,000km jarak perbatuan setahun.

Bermakna dari sudut keperluan penyenggaraan berjadual, setiap kereta mesti dibawa masuk ke pusat servis sekurang-kurangnya empat kali dalam tempoh setahun.

Bagi penyenggaraan baik pulih pula, rekod pengurusan fleet menunjukkan, sebuah kereta akan dihantar masuk akibat kerosakan atau kemalangan dengan purata dua kali dalam tempoh setahun.

Ini menjadikan purata jumlah keseluruhan servis yang dilakukan terhadap sesebuah kereta rasmi atau kereta jabatan adalah enam kali setiap tahun.



Skop Perkhidmatan: SPANCO Lakukan Servis Berjadual, Baiki Kerosakan Dan Kemalangan



PAKEJ perkhidmatan lengkap serta menyeluruh, demikian dilakukan SPANCO Sdn Bhd selaku pembekal dan penyedia pengurusan fleet bersepadu yang terulung dan terbesar di Malaysia.

Memasuki operasi tahun ke-18, Pengurusan Fleet Profesional SPANCO kini membekal dan menguruskan fleet untuk lebih 37 kementerian serta agensi Kerajaan di seluruh negara dengan jumlah kenderaan mencecah 10,000 unit.

Skop perkhidmatan SPANCO kepada pelanggan tidak hanya membekal dan menguruskan fleet pelanggan tetapi

turut merangkumi penyenggaraan dan pembaikan kenderaan-kenderaan tersebut.

Justeru, setelah membekalkan kereta rasmi dan jabatan kepada kementerian ataupun agensi, bagaimanakah SPANCO menjaga kereta-kereta yang tersebar di serata negara, berjumlah 10,000 unit itu?

Penyenggaraan dan Pembaikan

Skop perkhidmatan Penyenggaraan dan Pembaikan membolehkan agensi atau kementerian menghantar kenderaan ke mana-mana pusat servis SPANCO untuk diservis atau dibaiki jika diperlukan.

Secara lebih terperinci, terdapat dua jenis perkhidmatan servis kereta yang disediakan untuk pelanggan SPANCO iaitu **servis berjadual** dan **servis pembaikan**.


Servis berjadual adalah penyenggaraan yang dilakukan terhadap kereta pada jarak perbatuan 1,000km, 5,000km, 10,000km, 20,000km dan setiap 10,000km berikutnya iaitu seperti yang disyorkan pihak pengeluar, Proton.

Bagaimanapun jarak perbatuan bagi keperluan servis berjadual mungkin sedikit berbeza bergantung kepada model kereta.

Antara tugas yang dilakukan semasa servis berjadual adalah seperti menukar minyak pelincir, penapis minyak dan penuras udara selain bendalir atau alat ganti tertentu yang lain berpandukan saranan Proton.

Perkhidmatan SPANCO

1. Pembekalan dan pengurusan fleet
2. Penyenggaraan dan pembaikan fleet



Skop Perkhidmatan (Penyenggaraan dan Pembaikan):

- Servis berjadual.
- Penyenggaraan cegahan.
- Pembaikan kerosakan dan kemalangan.
- Pusat Panggilan 24 jam bagi kerosakan **1-800-88-6999**.
- Bantuan kecemasan dan tunda 24 jam.
- Peruntukan kereta ganti (SPC).
- Servis audit.

Di samping itu pemutaran dan penjajaran tayar turut dibuat apabila sesebuah kereta dihantar untuk menjalani servis berjadual.

Bagi setiap perbatuan 40,000km dan 100,000km, **servis berjadual** membabitkan servis utama antaranya menukar bendalir sistem transmisi (kotak gear), menyenggara sistem penyejukan, menukar tali sawat penalaan dan palam pencucuh (yang mana berkenaan).

Selain melaksanakan servis secara berjadual, aspek pencegahan juga adalah skop penting perkhidmatan SPANCO di mana komponen akan diperiksa, diservis dan ditukar sebelum ia rosak seperti:

- tayar
- bateri
- alat ganti seperti penyerap hentakan, brek dan sebagainya

Servis pembaikan pula membabitkan penyenggaraan membaik pulih kerosakan mekanikal dan kemalangan termasuk rombak rawat enjin dan mengetuk serta mengecat badan kereta.

Tempoh masa bagi menyiapkan sesuatu tugas servis ialah 2 jam untuk kes-kes yang perlu diselesaikan segera (urgent); pada hari yang sama untuk



pelanggan atau pemandu yang menunggu; dan sebagaimana tarikh yang dijanjikan untuk servis-servis biasa yang lain.

Bagi pembaikan di Lembah Klang yang melebihi 24 jam, dan di luar Lembah Klang yang melebihi 48 jam, peruntukan kereta ganti (SPC) disediakan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang berkecuali iaitu Jusa C dan ke atas yang menggunakan kereta rasmi.

Bagaimanapun peruntukan juga bergantung kepada ketersediaan kereta ganti di dalam simpanan di mana terdapat 50 buah SPC disediakan oleh SPANCO

untuk lebih 2,000 pegawai Kerajaan.

Dalam pada itu, pasukan SPANCO turut menganjurkan servis audit di seluruh negara sepanjang tahun bagi menilai tahap keupayaan kenderaan fleet dan pusat servis diiktiraf.


Bagi memastikan pelanggan iaitu Kerajaan Malaysia mendapat yang terbaik daripada skop perkhidmatan yang disediakan, SPANCO sentiasa melaksanakan semakan semula terhadap sistem, prosedur dan teknologi yang digunakan dari semasa ke semasa.

Rangkaian pusat servis

Untuk memenuhi keperluan servis, SPANCO menyediakan dua pusat servis utama yang dipanggil pusat servis wilayah (PSW) iaitu Pusat Servis Wilayah – Batu Caves (PSW Batu Caves) dan Pusat Servis Wilayah – Bangi (PSW Bangi).

Di samping itu, SPANCO melantik panel pusat servis sendiri iaitu pusat servis diiktiraf (PSD) daripada kalangan pusat servis bebas serta francais seperti Proton Edar dan EON.

Kini terdapat lebih 190 PSD di seluruh Malaysia yang menyediakan pelbagai servis khusus yang tersenarai di bawah skop perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan seperti servis berjadual, tukar tayar, bateri, hawa dingin, membaik pulih kemalangan serta khidmat menunda kereta.



SPANCO Penyedia Pengurusan Fleet Kendali Pusat Servis Sendiri

KEBANYAKAN penyedia khidmat pengurusan fleet pihak ketiga (outsourced fleet management services) di serata dunia tidak mempunyai ataupun mengendalikan pusat servis sendiri.

Lazimnya syarikat terbabit menumpukan kepakaran yang dimiliki dalam mengurus dan mengawal selia fleet kenderaan pelanggan mereka. Bagaimanapun, tugas penyenggaraan dan pembaikan diserahkan sepenuhnya kepada pengendali rangkaian pusat servis kereta.

Namun Pengurusan Fleet Profesional, SPANCO Sdn Bhd melakukan lebih dari yang diperlukan dengan menubuhkan dua pusat servis utamanya sendiri, yang lengkap dengan kemudahan berteknologi tinggi bagi tujuan penyenggaraan dan pembaikan kenderaan.

PSW Batu Caves jadi penanda aras

Perkhidmatan yang dibekalkan SPANCO tidak terhenti setakat setelah pelanggan menerima kunci kereta masing-masing.

Malah sebaik selepas itu, 70% tugas Pengurusan Fleet Profesional akan

tertumpu kepada aspek-aspek penjagaan dan pencegahan untuk 4 hingga 5 tahun berikutnya.

Bagi tujuan tersebut, Pusat Servis Wilayah – Batu Caves (PSW Batu Caves) didirikan dengan kemudahan serba lengkap menggabungkan teknologi terkini dan peralatan automotif termaju.

Peralatan-peralatan yang digunakan di PSW Batu Caves menepati piawaian mutu tertinggi yang ditetapkan oleh pengeluar kenderaan antaranya:



MUT III : peralatan diagnostik terbaru khusus untuk memenuhi keperluan model Inspira, digunakan bagi mengenal pasti masalah sistem dan enjin selain menetapkan jarak servis seterusnya.



stereng dengan menggunakan perisian komputer terkini.

Alat penjajaran roda berkomputer : untuk pelarasan tepat sistem geometri

Pusat Servis Wilayah – Batu Caves

No. 2, Jalan Perusahaan 2,
Kawasan Perusahaan
Batu Caves, 68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-6192 8888
Faks : 03-6192 8889

Jumlah petak servis : 30
Kapasiti : 90 servis biasa sehari

Pegawai untuk dihubungi :

Md. Latif Ismail
– Pengurus
Woksyop





Alat pam minyak enjin pneumatik dan pengumpul sisa :
menyedut

keluar minyak enjin yang sudah digunakan terus ke dalam bekas pengumpul sisa minyak, di mana pelupusan mematuhi piawaian Jabatan Alam Sekitar.



Pengecas gas pendingin udara automatik :
untuk vakum pantas dan cas semula gas pendingin udara.



Dispenser minyak enjin :
memastikan kebersihan persekitaran melalui

penuangan minyak enjin pada sukatkan tepat tanpa tumpahan.

Sistem Maklumat Pengurusan Fleet Bersepadu :

melicinkan kerja-kerja senggaraan dan pembaikan kereta. Melalui sistem



komputer berpusat dan dalam talian ini, segala maklumat mengenai sesebuah kereta termasuk sejarah penyenggaraan dan kerosakan, boleh diperoleh di hujung jari dan di bawah satu sistem maklumat bersepadu.

Dengan keluasan binaan 24, 254 kaki persegi, PSW Batu Caves mempunyai 30 petak servis dan berupaya mengendalikan 90 servis biasa dalam sehari.

Servis yang dikendalikan di PSW Batu Caves meliputi kesemua jenis khidmat penyenggaraan dan pembaikan yang termaktub di dalam perjanjian konsesi seperti servis berjadual, servis cegahan dan pembaikan kerosakan serta kemalangan.

(Untuk membaca secara lebih terperinci mengenai skop perkhidmatan yang disediakan oleh SPANCO, sila ke muka surat 9).

Secara ringkas, PSW Batu Caves adalah mercu tanda pencapaian SPANCO di samping menjadi penanda aras kepada tahap perkhidmatan rangkaian pusat servis lain di seluruh negara.



Ruang tetamu dan kaunter perkhidmatan dinaiktaraf

SEJAJAR usaha mempertingkatkan lagi perkhidmatan untuk pelanggan, SPANCO telah menaiktarafkan ruang tamu dan kaunter perkhidmatannya di Pusat Servis Wilayah – Batu Caves.


Sebuah ruang baru bagi menyambut tetamu dan khidmat pelanggan diwujudkan untuk memberi lebih keselesaan kepada wakil kementerian serta jabatan yang berkunjung ke sana.

Bilangan kaunter servis juga ditambah dan dipusatkan bagi menampung lebih ramai pelanggan yang menghantar kenderaan mereka.

Kerja menaiktaraf dan pengubahsuaian itu bermula pada 11 Mac dan siap sepenuhnya akhir Mac lalu.

Usaha menaiktaraf kemudahan pusat servis dilaksanakan dari semasa ke semasa selaras matlamat menyediakan perkhidmatan pengurusan fleet profesional yang sentiasa fokus kepada pelanggan.





PSW Bangi yang baru mengikut gambaran artis.

Pusat Servis Wilayah – Bangi (bakal dibuka 2012)

No. 1, Jalan 9/1,
Seksyen 9,
Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-8920 1990
Faks : 03-8920 1992

Jumlah petak servis: 24
Kapasiti : 80 servis biasa sehari

Pegawai untuk dihubungi :
Mohd Wazir Ahmad Kassim
– **Pengurus Cawangan**



Lokasi baru PSW Bangi yang kini dalam pembinaan.

PSW Bangi tampung servis sekitar Putrajaya, akan berpindah ke lokasi baru

Pusat Servis Wilayah - Bangi atau singkatnya, PSW Bangi didirikan untuk menampung keperluan servis bagi fleet Kerajaan Pusat dari sekitar Putrajaya.

Pada awalnya, sebuah pusat servis didirikan di Puchong, Selangor pada 1999, kemudiannya dipindahkan ke Bangi, Selangor pada 2003 bagi menampung permintaan yang kian meningkat.

Selaras komitmen untuk mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan, PSW Bangi akan dipindahkan sekali lagi ke tapak baru yang lebih luas pada 2012.

Lokasi di atas tapak berkeluasan 2 ekar itu akan menyediakan kemudahan yang berintegrasi sepenuhnya seperti yang terdapat di PSW Batu Caves.

PSW Bangi terbaru itu kelak akan menyediakan 24 petak servis berbanding 10 seperti yang ada sekarang. Ia akan memiliki kapasiti menyiapkan 80 servis biasa dalam sehari berbanding 30 pada masa ini.

Dengan jumlah fleet kini mencecah 10,000 unit dan bertambah dari setahun ke setahun, maka diharapkan PSW Bangi yang baru itu kelak menjadi tumpuan serta pilihan kakitangan Kerajaan untuk menghantar kenderaan mereka.


Pembinaan mercu tanda SPANCO terbaru itu sudah pun bermula dan

dijangka siap tidak lama lagi. Pembaca boleh mengikuti perkembangan terkini mengenainya pada keluaran ini dan keluaran-keluaran akan datang.

Kesimpulan

Pembinaan dua buah Pusat Servis Wilayah ini termasuk yang terbaru di Bangi, adalah bagi memastikan SPANCO bukan saja dapat menyediakan khidmat selepas jualan yang cemerlang, malah mampu menetapkan piawaian mutu dan prestasi yang konsisten untuk semua pusat servis diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

Pusat Servis Bangi baru bakal dibuka 2012



Lokasi di atas tapak berkeluasan 2 ekar itu akan menyediakan kemudahan yang berintegrasi sepenuhnya seperti yang terdapat di PSW Batu Caves.



Tahap Keupayaan Tinggi, Kos Tetap Antara Manfaat 'Outsourcing' Dalam Pengurusan Fleet

PENYUMBERAN luar (outsourcing) dalam menyediakan dan menyenggarakan fleet dikenalpasti mampu membantu meningkatkan kecekapan pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Kaedah 'outsourcing' yang diperkenalkan di rantau ini pada awal 1980-an adalah amalan menyerahkan sesebuah kontrak kerja kepada pihak ketiga yang lebih pakar.

Dalam pengurusan fleet, 'outsourcing' mewujudkan situasi 'menang-menang' di mana Kerajaan menikmati perkhidmatan yang tiada tandingnya pada kadar sewa dan kos penyenggaraan serta pembaikan yang tetap.

Dari sudut kewangan, Kerajaan menikmati penjimatan serta-merta sebaik saja menyerahkan urusan pembekalan dan penyenggaraan fleet kenderaan kepada syarikat pakar.

Kerajaan turut memperoleh hasil pendapatan baru daripada pelaksanaan itu dalam bentuk cukai jualan, cukai jalan, duti

eksais dan bayaran pindah milik.

Secara ringkas, Kerajaan menikmati pelbagai manfaat melalui penggunaan tenaga pakar dalam pengurusan fleet yang disediakan oleh SPANCO Sdn Bhd iaitu:

- Tidak perlu mengeluarkan modal pendahuluan yang tinggi untuk membeli kenderaan baru.
- Tidak perlu menanggung beban pengurusan dan masalah tenaga kerja. Ini bukan saja menjimatkan kos malah masa dan tenaga.
- Kenderaan diganti pada kitaran penggantian yang tetap sekali gus tiada lagi masalah kos senggaraan yang melambung tinggi atau kerosakan berulang akibat fleet terlalu usang seperti kerap dihadapi sebelum ini.
- Kenderaan diservis serta diperiksa dengan kerap bagi prestasi dan kendalian yang optimum sekali gus Kerajaan kini memiliki fleet yang sentiasa bersedia pada tahap keupayaan melebihi 97 peratus.



Manfaat utama 'outsourcing'

- Dapat mengatasi kekangan belanjawan
- Tidak perlu menyediakan modal pendahuluan yang tinggi
- Caj penyenggaraan, pembaikan dan rombak rawat yang tetap – kos mampu dikawal
- Pengurusan fleet diambil alih oleh pakar/profesional
- Membolehkan pasukan pengurusan menumpukan kepada operasi teras – bebas daripada beban pentadbiran



Kerajaan menikmati perkhidmatan yang tiada tandingnya pada kadar sewa dan kos penyenggaraan serta pembaikan yang tetap.

- Dilindungi daripada naik turun harga pasaran kereta terpakai ketika pelupusan. Maknanya, masalah ketidaktentuan harga kereta terpakai yang perlu dilupuskan dapat diatasi.
- Tidak perlu menguruskan kemalangan kerana segala kerosakan atau kemalangan diuruskan SPANCO yang memiliki kepakaran dalam bidang berkenaan.
- Tiada lebihan kos kerana caj penyenggaraan yang tetap telah ditentukan terlebih dahulu. Ini bermakna tiada kos tambahan perlu ditanggung oleh Kerajaan melainkan jika berlaku kecuai.

Paling utama, 'outsourcing' membolehkan Kerajaan memberikan sepenuh tumpuan kepada operasi teras selain menyediakan pilihan yang lebih baik bagi merealisasikan nilai untuk operasi yang bukan teras (seperti menguruskan fleet).

Dengan menyerahkan pengurusan fleet kepada tenaga pakar dan profesional, Kerajaan dapat meningkatkan keupayaan dalam operasi terasnya iaitu menyediakan perkhidmatan awam yang bermutu kepada rakyat.

Kelebihan SPANCO

- Menjimatkan kos.
- Mutu perkhidmatan dipertingkatkan.
- Rekod perkhidmatan cemerlang selama 18 tahun dalam menguruskan fleet.
- Memiliki pasukan berpengalaman dalam bidang berkaitan.
- Pendekatan rakan kongsi dalam menghasilkan hanya yang terbaik untuk pelanggan.
- Keupayaan melaksanakan pengambilalihan fleet serta-merta.



Kos Pajakan Dan Senggaraan Tetap

TAHUKAH anda? Kos pajakan SPANCO adalah tetap dan merangkumi sewa serta caj penyenggaraan dan pembaikan yang melayakkan mana-mana agensi dan kementerian mendapatkan servis sekerap mana yang diperlukan.

Bagaimanapun, apakah faktor dalam pengiraan kos pajakan itu?

Butiran kos pajakan adalah seperti yang termaktub dalam perjanjian konsesi dan akan berkuatkuasa sebaik sahaja sesebuah kenderaan diserahkan oleh SPANCO kepada Kerajaan Persekutuan.

Kos Pajakan dan Senggaraan:

- Sewa pajakan tetap
- Kos penyenggaraan dan pembaikan tetap

Sewa pajak

Sewa pajakan yang tetap dikira berdasarkan formula yang mengambil kira harga kenderaan yang diluluskan, premium insurans, kos pembiayaan, jumlah tahun bagi tempoh pajakan dan caj perkhidmatan pengurusan fleet.

Kos kenderaan yang diluluskan dibayar kepada pengeluar kenderaan, manakala premium insurans yang ditentukan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), dibayar kepada syarikat insurans. Kos pembiayaan pula dikira berdasarkan kadar purata faedah sewa beli yang ditetapkan institusi kewangan yang disahkan pada masa pajakan bermula.



Faktor yang menentukan kos sewa pajakan:

- Harga kenderaan yang diluluskan
- Premium insurans
- Kos pembiayaan
- Tempoh pajakan
- Caj pengurusan fleet

Kos Senggaraan

Kos penyenggaraan dan pembaikan bagi sesuatu tahun juga telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu berdasarkan harga kenderaan dan aksesori yang diluluskan serta usia kenderaan.

Caj itu berbeza dan bertambah mengikut tahun kerana kos menyenggara sesebuah kereta akan meningkat seiring usia kereta itu.

Ia melayakkan pelanggan mendapatkan khidmat penyenggaraan dan pembaikan yang merangkumi servis berjadual, servis biasa, khidmat baik pulih kemalangan dan kerosakan mekanikal serta khidmat bantuan kecemasan 24 jam.



Kos untuk menyenggara sesebuah kenderaan akan meningkat seiring usia kenderaan itu.



Pendapatan utama SPANCO diperoleh daripada caj perkhidmatan pengurusan fleet yang dikenakan sebanyak 5.5% bagi menguruskan fleet kenderaan. Caj itu dikurangkan kepada 3.5% pada tahun 2004.

Caj-caj lain termasuklah kos penghantaran ke luar Semenanjung Malaysia, pendaftaran kenderaan, perkhidmatan semburan semula cat (sekiranya diperlukan) dan menggantikan kunci. Caj yang berasingan juga dikenakan atas kecuai pelanggan.

Dengan termeterainya perjanjian tambahan berkuatkuasa 30 Oktober 2004, rebat 20% daripada sewa pajak diberikan kepada Kerajaan. Rebate tersebut meliputi nilai sisa kenderaan, potongan bagi insurans yang tidak dituntut, susut

nilai kenderaan untuk premium bagi tempoh pajak dan pengurangan caj pengurusan kepada 3.5%.



Kos penyenggaraan dan pembaikan bagi sesuatu tahun juga telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu berdasarkan harga kenderaan dan aksesori yang diluluskan serta usia kenderaan.

Perkhidmatan Penyenggaraan & Pembaikan merangkumi:

- Penyenggaraan berjadual
 - senggaraan kecil (setiap 10,000km)
 - senggaraan utama (setiap 40,000km dan 100,000km)
- Penyenggaraan biasa
 - mengganti tayar
 - servis penyaman udara
 - mengganti bateri
 - alat-alat ganti seperti penyerap hentakan, pad brek dan lain-lain
- Baik pulih
 - kemalangan & membaiki badan kereta
 - kerosakan mekanikal
- Bantuan kecemasan
 - Pusat Panggilan 24-jam seluruh negara
 - menunda kenderaan

Proton Inspira Sertai Fleet SPANCO



KERETA Proton Inspira 2.0 Premium menyertai fleet Kerajaan Persekutuan yang diselia oleh SPANCO Sdn Bhd mulai Mac 2011.

Seramai sembilan doktor pakar dari Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang dan Hospital Sungai Buloh menerima kereta masing-masing bagi model itu pada 9 Mac lalu.

Penyerahan kereta rasmi jawatan kepada pelanggan Jusa C itu berlangsung di perkarangan Pusat Servis Wilayah, Batu Caves, Selangor.

Perbendaharaan Malaysia baru-baru ini, memutuskan supaya model Proton Perdana Standard yang diberhentikan pengeluaran digantikan dengan model Proton Inspira 2.0 Premium sebagai kereta rasmi jawatan.

Susulan daripada kelulusan itu, pengagihan bekalan Proton Inspira dibuat secara berperingkat-peringkat mulai Februari di mana pegawai Kerajaan yang belum dibekalkan kereta rasmi jawatan diberi keutamaan terlebih dahulu.

Fasa pertama membabitkan 214 unit diserahkan oleh SPANCO kepada pelanggan bermula Mac manakala fasa kedua membabitkan 136 unit bermula April.

Antara ciri-ciri model Inspira 2.0 Premium ialah ia dilengkapi CVT iaitu transmisi boleh ubah selangar selain 'sports mode' dengan kawalan menukar gear pada stereng serta sistem gantungan oleh teknologi Lotus.

Bergantung kepada keadaan trafik, CVT membolehkan pemandu memilih

sama ada menggunakan gear manual atau automatik manakala penukar gear pada stereng atau 'paddle shift' pula membolehkan pemandu menukar gear dengan hanya menekan pedal yang terdapat pada stereng.

Sistem gantungan Lotus pada Inspira pula menghasilkan pemanduan yang lebih selesa lagi mantap yang disesuaikan khusus untuk permukaan jalan-jalan raya di Malaysia.



Pakar Perunding Mata, Hospital Selayang, Dr. Nor Fariza Ngah, melahirkan rasa

amat gembira kerana menerima model Proton Inspira.

Beliau juga diberitahu rakan mengenai perkhidmatan SPANCO yang efisien dan memuaskan.

"Rakan saya juga memberitahu tiada masalah atau aduan berkenaan servis penyenggaraan yang dilakukan SPANCO. Jadi, saya harap akan mendapat tahap layanan yang serupa daripada pihak SPANCO," katanya.



Pakar Perunding Perubatan dan Farmasutikal, Hospital Kuala Lumpur, Dr. Ong Swee

Gaik, pula sangat teruja menerima kereta berkenaan.

Beliau berpendapat, SPANCO sebuah organisasi yang bagus dan profesional terutama dalam memberi khidmat nasihat serta penerangan mengenai kereta Inspira yang baru diterimanya itu.

Dr. Ong berharap tidak ada apa-apa kerosakan menimpa kereta itu dan hanya perlu datang ke pusat servis untuk melakukan servis berjadual.



Sementara itu, walau apa pun model kereta yang diperuntukkan Kerajaan, beliau tetap bersyukur

dan berterima kasih, demikian kata Dr. Mollyza Mohd Zain.

Pakar Perunding Perubatan dan Rheumatologi, Hospital Selayang itu menyifatkan, Proton Inspira sebuah kereta yang sesuai digunakan oleh penjawat awam seperti beliau dengan ciri-ciri kelebihan yang terdapat pada model itu seperti CVT dan 'paddle shift'.



Pengagihan bekalan Proton Inspira dibuat secara berperingkat-peringkat mulai Februari di mana pegawai Kerajaan yang belum dibekalkan kereta rasmi jawatan diberi keutamaan terlebih dahulu.

Pemeriksaan Tayar Boleh Jimatkan Minyak

SEBUAH pertubuhan keselamatan tayar telah menyarankan supaya syarikat-syarikat pengangkutan memastikan pemandu mereka kerap memeriksa tekanan tayar untuk meningkatkan keselamatan dan menjimatkan kos.

Walaupun kebanyakan syarikat mempunyai dasar masing-masing bagi memastikan pemeriksaan dilakukan oleh pemandu, namun Tyresafe mengingatkan organisasi yang mengendalikan kereta dan van bahawa tekanan tayar yang betul berupaya meningkatkan tahap keselamatan, mengurangkan pengeluaran karbon dioksida dan penggunaan minyak serta memanjangkan hayat guna tayar.

Pengerusi TyreSafe, Stuart Jackson, berpendapat bahawa bil minyak yang lebih rendah boleh dicapai dengan memastikan tayar mempunyai tekanan yang betul. Hanya dengan meluangkan beberapa minit untuk memeriksa tekanan tayar dapat menjimatkan wang, terutamanya di saat-saat di mana harga barangan semakin meningkat.

Tayar yang tidak cukup angin boleh mengakibatkan penggunaan minyak yang tinggi kerana tayar sukar untuk bergolek dan enjin terpaksa bekerja keras, seterusnya lebih banyak bahan api dibakar. Pengiraan yang dibuat oleh TyreSafe menunjukkan bahawa tayar yang tidak cukup tekanan sebanyak 20% atau anggaran 6psi, akan menggunakan 3% lebih minyak.

Tahap keselamatan akan turut terjejas kerana terdapat risiko tayar akan meletup ketika dipandu laju akibat haba berlebihan yang terkumpul pada tayar.

Tambah Jackson lagi: "Keselamatan kenderaan adalah keutamaan. Selain itu, memastikan tekanan yang betul pada tayar

memberi manfaat penggunaan minyak yang kurang. Ini memberi pulangan kepada syarikat terutama sekali dalam keadaan ekonomi sukar yang dialami sekarang. Pemandu boleh berjimat hanya dengan memeriksa tekanan tayar kenderaan mereka."

Dalam soal selidik yang dijalankan oleh salah seorang ahli TyreSafe tahun lalu, lebih dari 4,500 kereta



diperiksa tekanan tayar dalam tempoh tiga bulan. Sebanyak 36% daripadanya didapati tidak selamat dengan tayar yang tidak cukup tekanan melebihi 8psi.

Cara memeriksa tekanan tayar dengan betul:

- 1 Periksa tekanan tayar sekurang-kurangnya sekali sebulan.
- 2 Tekanan tayar hendaklah diperiksa mengikut saranan pengeluar kereta yang boleh diketahui melalui buku

panduan yang terdapat di dalam kereta dan di kepingan yang diletakkan pada penutup tangki minyak atau berhampiran tingkap sebelah pemandu.

- 3 Periksa tekanan semasa tayar sejuk (iaitu apabila anda memandu kurang daripada dua batu).
- 4 Sekiranya kenderaan anda penuh dengan penumpang atau muatan, atau akan menarik treler, tekanan hendaklah dinaikkan sejajar dengan saranan pengeluar kenderaan.
- 5 Pastikan tolok yang digunakan itu tepat.
- 6 Periksa tekanan pada keempat-empat tayar serta tayar ganti.
- 7 Apabila memeriksa tekanan, perhatikan tayar. Alihkan sebarang batu atau objek yang terbenam di dalam jaluran tayar. Periksa juga sebarang gelembung atau tanda potongan.
- 8 Sekiranya anda tidak pasti mengenai tekanan atau keadaan tayar, bawa kenderaan anda ke pusat servis dan berbincanglah dengan pakar.

sumber: Fleet News



Banjir Beri Kesan Buruk Kepada Kenderaan SPANCO

Oleh Nor Azhan Abdul, Eksekutif Kanan Kawalan Senggaraan

PERUBAHAN iklim global turut memberi kesan kepada cuaca di negara ini apabila hujan lebat yang ketara menyebabkan banjir besar di Johor, negeri di Pantai Timur serta negeri di utara khususnya Kedah, sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Bencana itu menyebabkan kerugian individu, pihak berkuasa tempatan dan kerajaan selain peniaga mahupun industri membabitkan pelbagai kerosakan harta benda serta kemusnahan malah kehilangan jiwa.

Banjir turut menyebabkan sistem pengangkutan darat seperti kenderaan pengangkutan awam dan kenderaan persendirian terjejas atau lumpuh di lokasi tertentu. Kenderaan SPANCO tidak terkecuali daripada kesan bencana ini. Rekod mencatatkan sejumlah 27 unit kenderaan SPANCO rosak akibat banjir sepanjang 2010 dan setakat Februari 2011.

Daripada jumlah itu, 16 unit terbabit banjir di sekitar Perlis, Kedah dan Johor pada 2010. Selebihnya, kerosakan berlaku pada penghujung Januari dan seawal Februari 2011 di sekitar Labis, Johor.

Hasil kaji selidik bersama pelanggan yang memandu kenderaan ketika kejadian

mendapati kebanyakan kenderaan itu rosak akibat mengharungi banjir.

Perkara ini boleh dielakkan sekiranya pelanggan mengambil berat beberapa perkara berikut :

- Prihatin keadaan semasa dan sekeliling
- Pengguna kenderaan prihatin dengan kenderaan di bawah jagaan
- Tidak meredah air apabila banjir
- Jangan biarkan kenderaan terendam terlalu lama di dalam banjir
- Sekiranya terperangkap di dalam banjir, minta pertolongan orang ramai untuk mengalihkan kenderaan ke tempat selamat
- Menghubungi SPANCO untuk nasihat serta bantuan
- Mengenalpasti kawasan yang sering dinaiki air atau paras air di sungai-sungai dengan melayari laman sesawang : <http://infobanjir.water.gov.my/realtime.cfm>

Tips untuk meredah jalan yang ditenggelami air

- Beri laluan kenderaan berat dan anggarakan ketinggian air yang diredah dengan melihat had tinggi tayar
- Sekiranya paras air di bawah satu kaki, pemanduan boleh dilakukan tetapi

pemandu perlu memandu secara perlahan bagi mengelakkan percikan air membasahi enjin khususnya bahagian sistem penyalan

- Elakkan memandu laju kerana ia boleh menyebabkan bahagian enjin dibasahi air dan pengguna jalan raya lain, khususnya penunggang motosikal dan pejalan kaki terkena percikan air
- Selepas meredah jalan dinaiki air, elakkan terus memandu laju kerana sistem brek tidak berfungsi sepenuhnya berikutan permukaan brek basah.



Sekiranya terperangkap di dalam banjir, minta pertolongan orang ramai untuk mengalihkan kenderaan ke tempat selamat.

Dua Per Tiga Pemandu Mudah Teralih Tumpuan

RAMAI pemandu mengaku bahawa mereka tidak selalu memberi perhatian sepenuhnya terhadap jalan raya di hadapan mereka. Kajian daripada SPECSAVERS mengenai tabiat pemanduan di Britain menunjukkan hampir 75% daripada mereka bersikap demikian, dua per tiga mudah terganggu atau teralih tumpuan ketika memandu manakala 30 peratus mengaku pernah mengalami kemalangan atau nyaris kemalangan kerana tidak menumpukan perhatian.

Jim Lythgow, pengarah pakatan strategik Specsavers Corporate Eyecare, berkata: "Memandu adalah aktiviti kerja paling berbahaya yang dilakukan oleh rakyat di Britain. Dianggarkan 33% daripada pelanggaran di jalan raya, iaitu bersamaan 1,000 kematian dan 13,000 kecederaan parah melibatkan mereka yang memandu semasa menjalankan tugas.

"Malah, The Royal Society for the Prevention of Accidents (RoSPA) mendapati bahawa memandu sejauh 5,000 batu setahun kerana bekerja adalah aktiviti ketiga paling berbahaya di UK selepas memancing di laut dalam dan melombong arang batu. Itulah sebabnya kami menekankan isu ini sekarang serta menggalakkan pemeriksaan mata untuk

pemandu memandangkan kini wujudnya Akta Penyebab Kematian Korporat (Corporate Manslaughter)."

Pemandu awam juga mengundang risiko kepada pemandu syarikat. Kajian di kalangan 3,000 orang pemandu mendapati, dalam seminggu, secara purata rakyat Britain menghabiskan masa 5 jam 44 minit di dalam kereta, dan satu jam 56 minit daripadanya tersekat dalam kesesakan.

Bermakna, mereka menghabiskan masa di dalam kereta lebih daripada sehari dalam tempoh sebulan. Bayangkanlah, sekiranya seseorang itu mula memandu sejak berumur 17 tahun, bermakna mereka akan duduk menunggu dalam kesesakan selama 6,182 jam atau lapan bulan dua minggu semasa hayat mereka.

Kajian Specsavers mendapati, pemandu yang bosan menunggu selalunya akan melakukan pelbagai perkara seperti melihat-lihat di sekeliling, bermain telefon bimbit atau melayari laman sosial. Sejumlah 10% daripada mereka mengaku terlibat dalam kemalangan kerana terleka semasa tersekat dalam kesesakan.

Kajian tersebut merumuskan bahawa kesesakan lalu lintas kerap berlaku. Sebanyak 19% daripada pemandu tersekat

dalam kesesakan setiap hari dan 22% mendapati mereka tersekat di jalan raya sesak yang bergerak perlahan lebih kurang dua kali seminggu.

Sepuluh perkara yang lazim dilakukan oleh pemandu di Britain semasa tersekat dalam kesesakan lalu lintas adalah:

- Mendengar muzik
- Memerhati pemandu lain
- Memerhati pejalan kaki
- Menghantar sms
- Menjawab telefon
- Makan
- Melayari Facebook atau Twitter
- Menghantar e-mel
- Mengenakan mekap
- Bermain telefon bimbit

sumber: Fleet News



Berita Baik Tentang Kopi!



BERJUTA-JUTA orang di seluruh dunia memulakan hari mereka dengan meminum secawan kopi. Aroma dan rasa kopi menyebabkan kita rasa segar selepas minum secawan selain membuatkan kita lebih gembira dalam mengharungi kehidupan seharian.

Kopi yang anda nikmati setiap hari bukan sahaja enak diminum, malah memberikan anda faedah.

Kesan positif terhadap prestasi mental

Kopi didapati berupaya meningkatkan tahap kecergasan dan daya tumpuan individu untuk prestasi yang lebih baik dan membantu mengurangkan rasa letih atau kelesuan.

Sumber antioksidan No. 1

Anda mungkin terbaca bahawa antioksidan banyak terdapat dalam tomato, bluberi, brokoli dan teh hijau, namun sebenarnya kopi merupakan sumber antioksidan nombor satu dalam diet Amerika.

Kopi boleh menghilangkan rasa mengantuk

Jika anda mahu menghilangkan rasa mengantuk akibat tidak cukup tidur atau ketika pemanduan jarak jauh, hiruplah kopi sedikit demi sedikit sepanjang hari. Penemuan ini adalah hasil kajian tentang tidur dan cara menghilangkan rasa mengantuk oleh sekumpulan penyelidik di Harvard Medical School.

Kopi mampu menceriakan anda

Secawan kopi ketika bersarapan boleh menceriakan pagi anda, menurut para saintis di University of Wales College of Cardiff di United Kingdom.

Kopi mengelakkan mulut kering

Pernahkah anda mengalami mulut kering? Sekumpulan penyelidik daripada Poland mengesyorkan anda meminum secawan kapucino untuk mengelakkan mulut kering. "Meminum 15.0g kapucino selama lima minit boleh meningkatkan jumlah air liur, mengurangkan xerostomia dan meningkatkan keupayaan bercakap.

Kesan meminum kopi adalah selama 0.5 hingga 4 jam (anggaran purata 2 jam)"

Sumber :

1. Effects of breakfast and caffeine on performance and mood in the late morning after lunch. Neuropsychobiology: 1992
2. Cappuccino coffee treatment of xerostomia in patients taking tricyclic antidepressants: preliminary report. Gdansk Academy of Medicine, Poland: 2002.
3. www.coffeescience.org
4. <http://positivelycoffee2.pselttd.com>



INDOCAFE®




Kopi Gunung Mandheling Sumatra

كوفي كونيغ مندايغ سوماترا

苏门答腊曼特宁高山咖啡

குனோங் மண்டெலிங் சுமத்ரா காப்பி



**Jangan biarkan
lampu merah
menjadi pandangan
terakhir anda.**



**Merah Tanda Berhenti.
Anda Mampu Mengubahnya.**